

**BUDAYA 6C INSTITUT PENDIDIKAN GURU DALAM KALANGAN GURU
PELATIH BERLAINAN OPSYEN**
(Budaya 6C in Teacher Education Institute Among the Teacher Trainees of Different Options)

*Kok Kean Hin¹

¹Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam
Jalan Maktab, Off Jalan, Ayer Hitam Seksyen 12
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: khkok76@gmail.com

Article History:

Submit: 3 May 2020

Accepted: 25 June 2020

Revised: 1 July 2020

Published: 28 December 2020

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 4, No. 2 (2020), 51-60

Abstrak

Kajian rintis ini adalah bertujuan untuk mengkaji sejauh mana guru pelatih berlainan opsyen Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam mengetahui Budaya 6C IPGKPI (Cerdas, Cergas, Cekap, Cakna, Cermat, Ceria) yang dilancarkan dalam kampus. Sampel kajian ialah 65 orang guru pelatih Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Keupujian (PPISMP)ambilan Jun 2019 Semester 1. Instrumen yang digunakan ialah Borang Soal Selidik 6C-JPIP19A. Data dianalisis secara deskriptif dalam bentuk min skor purata dan peratusan. Secara keseluruhannya, pelajar PPISMPambilan Jun 2019 opsyen Bahasa Melayu (BM) mempunyai persepsi yang sangat positif tentang pelaksanaan Budaya 6C Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI). Kesemua item yang dinilai oleh pelajar opsyen BM melebihi min=3.26 kecuali item Fahami Ceria (min=3.16) berbanding dengan pelajar opsyen Bahasa Inggeris dan Pendidikan Agama.

Kata kunci: Budaya 6C, guru pelatih, institut pendidikan guru, berlainan opsyen

Abstract

This pilot study was conducted to investigate how far the teacher trainees of Teacher Education Institute (Institut Pendidikan Guru) Kampus Pendidikan Islam know about the promotion of Budaya 6C in the campus. The sample were 65 teacher trainees of first semester PPISMP preparatory programme (June 2019 intake). The instruments used was 6C-JPIP19A questionnaire. The descriptive data were presented with average mean score and percentage. Results showed that the perception of teacher trainees from option Bahasa Melayu was very positive towards implementation of Budaya 6C IPGKPI compared to teacher trainees from option Bahasa Inggeris and Pendidikan Agama. The mean score for all items were more than 3.26 except item FahamiCeria (mean=3.16).


Keywords: Budaya 6C, teacher trainee, teacher education institute, different option

1.0 PENGENALAN

Institut Pendidikan Guru (IPG) ialah sebuah institut latihan khusus dalam bidang keguruan. Ia mempunyai budayanya tersendiri selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan Falsafah pendidikan Guru (FPG). Budaya IPG komited dalam usaha melahirkan dan membentuk guru yang berilmu, beradab, beramal dan menjadi teladan kepada pelajar. Budaya IPG meliputi tujuh dimensi yakni, ilmu, kepimpinan, kerja profesional, akhlak dan moral, penyayang, hidup sihat dan estetika (Bahagian Pendidikan Guru, 2006).


Dinamik pendidikan akan menuju ke arah yang lebih positif menerusi budaya kecemerlangan (Mohd Faiz & Jamal Nordin, 2017). Di samping itu, dinamik pendidikan menjadikan budaya sekolah sebagai organisasi pembelajaran yang sentiasa bersama dengan perubahan semasa. Dengan budaya sekolah yang positif, kompetensi dan kecekapan guru akan meningkat dan seterusnya kualiti pendidikan juga akan meningkat apabila kualiti guru ditingkatkan (Mohd Faiz & Jamal Nordin, 2017). Kajian Cavanagh (1997) mendapati bahawa sekolah-sekolah menengah di Western Australia yang cemerlang mempunyai model budaya sekolah yang berjaya, dan disemaikan dalam sanubari setiap warga sekolah. Enam elemen budaya yang ditekankan ialah kepimpinan transformasi, perkongsian matlamat, nilai profesional, penekanan terhadap pembelajaran, kesejawatan dan kolaboratif (Cavanagh, 1997).

Budaya kerja ialah budaya yang berkait dengan mutu dan kualiti (Muhamad Hussin, 2018). Budaya kerja positif sentiasa mendatangkan manfaat. Bagi memperbaiki budaya kerja cemerlang, kita memerlukan pemeringkatan dari aspek disiplin, keterbukaan, saling menghargai dan kerjasama. Budaya 6C mempengaruhi pembangunan kompetensi, penghayatan nilai dan pembinaan jati diri. Seterusnya, Budaya 6C akan menghasilkan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam (IPGKPI) yang cemerlang (Rujuk Rajah 1).



Rajah 1: Budaya 6C dan Kecemerlangan Guru Pelatih IPG KPI

Konsep 6C merangkumi enam elemen iaitu; Cerdas, Cergas, Cekap, Cakna, Cermat dan Ceria (Rujuk Rajah 2). Menurut Muhamad Hussin (2018), Cerdas merujuk kepada sempurna, akal, cerdik, pintar dan pandai. Kecerdasan intelektual amat penting kerana ia menggalakkan warga kampus untuk menambah ilmu yang lebih luas dan terkini. Selain daripada itu, warga kampus perlu menggunakan ilmu baharu untuk menyelesaikan masalah dengan berfikir di luar kotak. Definisi Cergas dalam konteks Budaya 6C IPGKPI pula ialah bertenaga, giat dan aktif. Kecergasan fizikal membolehkan warga kampus menuntut ilmu tanpa kekangan, tenang dan terbuka minda serta emosi yang stabil.



Rajah 2: Konsep 6C

Elemen ketiga, Cekap merujuk kepada mampu, sanggup, lekas dan pantas (Muhamad Hussin, 2018). Kecekapan mementingkan penghasilan produktiviti dan menjangkau input. Ia merangkumi cekap membuat keputusan, menjana idea yang bernas, berkeyakinan tinggi, berpengalaman dan berkemahiran, bermotivasi tinggi untuk menggerak perubahan, menjalin kejelekitan di antara warga kampus dan menyediakan sumber dan sistem untuk membantu serta menyokong pembelajaran (Muhamad Hussin, 2018). Elemen yang keempat ialah Cakna. Cakna ialah ambil berat dan ambil peduli (Muhamad Hussin, 2018). Warga organisasi perlu prihatin dan menyayangi profesion, warga lain dan organisasi. Elemen kelima, Cermat merujuk kepada teliti, sepenuh minat dan berhati-hati (Muhamad Hussin, 2018). Organisasi dan warga kampus perlu berjimat cermat dalam aspek kos, aspek ketepatan masa, aspek keselesaan dan aspek kepuasan. Elemen Ceria merujuk kepada gembira (Muhamad Hussin, 2018). Keceriaan menampilkan ketrampilan peribadi, kesempurnaan dalam melakukan pekerjaan dan keindahan budi.

Menurut Muhamad Hussin (2018), Budaya 6C perlu diberi penekanan kerana budaya ini dapat memacu kecemerlangan IPGKPI dan menjana perubahan transformasi IPG. Dengan usaha ini, warga IPGKPI yang berkualiti dapat dilahirkan. Pelaksanaannya dapat dicapai melalui enam aspek iaitu profesionalisme, kerja berpasukan, prestasi kerja cemerlang dan unggul, pekerja berhemah dan berwibawa, dan pembelajaran sepanjang hayat.

Impak kajian ini diharapkan dapat melahirkan warga IPGKPI yang cemerlang dan dijadikan suri teladan kepada kampus IPG yang lain di Malaysia. Kajian-kajian lepas mengenai budaya kerja cemerlang semakin mendapat perhatian daripada organisasi kerajaan dan swasta. Walau bagaimanapun, kajian tentang budaya kerja cemerlang di IPG jarang dijalankan. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejauh mana guru pelatih berlainan opsyen di Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam mengetahui Budaya 6C (Cerdas, Cergas, Cekap, Cakna, Cermat, Ceria) yang dilancarkan dalam kampus.

2.0 OBJEKTIF DAN SOALAN KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk:

- a) Mengenal pasti sejauh mana guru pelatihambilan Jun 2019 berlainan opsyen (Pendidikan Agama, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris) Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam mengetahui Budaya 6C yang dilancarkan dalam kampus.

Soalan kajian ini adalah;

- a) Sejauh mana guru pelatihambilan Jun 2019 berlainan opsyen (Pendidikan Agama, Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris) Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam mengetahui Budaya 6C yang dilancarkan dalam kampus?

3.0 BATASAN KAJIAN

Kajian ini hanya terbatas kepada pelajar Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian (PPISMP)ambilan Jun 2019 yang telah didedahkan kepada Budaya 6C semasa semester pertama dan telah menduduki asrama IPGKPI selama satu semester sebelum melibatkan diri dalam kajian. Kajian ini telah mengambil kira pendedahan awal Budaya 6C yang didedahkan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) semasa minggu orientasi pelajar baharu dan pelaksanaan program-program Budaya 6C dari semasa ke semasa. Pensyarah Jabatan Perancangan Penyelidikan & Inovasi turut membuat kajian pra dan pasca untuk pelajar-pelajar PPISMPambilan Jun 2019 yang mengambil subjek GKB1053 Kemahiran Belajar di jabatan ini dalam jangka masa 12 minggu. Kajian ini tidak boleh digenerasikan kepada keseluruhan populasi PPISMPambilan Jun 2019 dalam kampus.

4.0 SAMPEL KAJIAN

Sampel kajian ialah 65 orang guru pelatih Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian (PPISMP)ambilan Jun 2019 Semester 1 (rujuk Jadual 1 dan Jadual 3). Populasi guru pelatih PPISMPambilan Jun 2019 adalah seramai 221 (Unit Peperiksaan & Penilaian, 2019). Sampel kajian ini

dipilih secara bertujuan kerana mereka telah sedia menduduki asrama kampus dan telah didedahkan kepada Budaya 6C IPGKPI di dalam kampus selama 12 minggu.

5.0 METODOLOGI

5.1 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ialah tinjauan. Kaedah tinjauan ialah kaedah penyelidikan deskriptif yang melibatkan pungutan data dari populasi untuk memahami sesuatu situasi terkini (Noraini Kaprawi, 2013). Kaedah ini dipilih kerana ia bertujuan untuk mendapatkan jawapan bagi soalan kajian yang dinyatakan.

5.2 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data ialah Borang Soal Selidik 6C-JPIP19A yang dibangunkan oleh Kumpulan Penyelidik JPPI2020 dan disahkan oleh pakar-pakar rujuk daripada IPGKPI dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

5.3 Analisis Data

Data yang dikumpul telah dianalisis secara deskriptif dalam min skor purata dan peratusan.

6.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

6.1 Dapatan Demografi Sampel Kajian

Jadual 1, 2 dan 3 menunjukkan dapatan demografi sampel kajian.

Jadual 1: Dapatan Demografi (Jantina)Sampel Kajian

JANTINA					
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	LELAKI	22	33.8	33.8	33.8
	PEREMPUAN	43	66.2	66.2	100.0
	Total	65	100.0	100.0	

Jadual 2: Dapatan Demografi (Akademik)Sampel Kajian

AKADEMIK					
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	SPM	63	96.9	96.9	96.9
	STPM	1	1.5	1.5	98.5
	SIJIL MATRIKULASI	1	1.5	1.5	100.0
	Total	65	100.0	100.0	

Jadual 3: Dapatan Demografi (Opsyen) Sampel Kajian

OPSYEN					
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	BM	19	29.2	29.2	29.2
	BI	17	26.2	26.2	55.4
	PA	19	29.2	29.2	84.6
	LAIN	10	15.4	15.4	100.0
	Total	65	100.0	100.0	

Item-item dalam soal selidik 6C-JPIP19A telah dinilai dengan skala Likert 4-poin, iaitu daripada julat skala 1: sangat tidak setuju hingga skala 4: sangat setuju. Dapatan kajian telah dianalisis selepas soal selidik 6C-JPIP19A dijalankan. Jadual 4 menunjukkan hasil analisis soal selidik 6C-JPIP19A. Min skor purata bagi setiap item soal selidik ini melebihi 3.20, iaitu memuaskan. Maklum balas pelajar terhadap budaya 6C secara keseluruhannya adalah memuaskan jika min skor purata melebihi 3.20 (Cohen, Manion & Morrison, 2011). Dalam kajian Kok (2019), pakar-pakar kesahan kandungan bersetuju dengan kesesuaian modul M-Biotek-STEM yang dibina apabila min skor purata setiap item yang dinilai secara puratanya melebihi 4.00 dalam skala Likert 5-poin. Walau bagaimanapun, item Amati 6C (min skor purata = 3.11) dan item fahami cekap (min skor purata=3.18) adalah lebih rendah berbanding dengan 18 item yang lain yang

sama atau melebihi 3.20. Item fahami cekap tidak mencapai tahap yang memuaskan kerana guru pelatih seringkali berpandangan bahawa elemen cekap adalah berkaitan dengan kesempurnaan. Seandainya mereka tidak berjaya menjalankan tugas dengan sempurna ataupun mencapai keputusan purata gred terkumpul sebanyak 4.00, mereka berasa bahawa mereka tidak cekap. Item Amati 6C tidak mencapai tahap yang memuaskan kerana Program Budaya 6C tidak dijalankan secara berkala. Guru pelatih beranggapan perkara ini tidak mustahak berbanding dengan kuliah mereka.

Jadual 4 Min Skor Purata Maklum Balas Guru Pelatih Terhadap Pemahaman Budaya 6C IPGKPI

Descriptive Statistics						
	Statistic	Bootstrapa				
		Bias	Std. Error	95% Confidence Interval		
				Lower	Upper	
KERJA BERKUALITI	N	65	0	0	65	65
	Minimum	3.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	237.00				
	Mean	3.6462	-.0080	.0569	3.5340	3.7385
	Std. Deviation	.48188	-.00125	.01698	.44289	.50267
TABIAT SEHARIAN	N	65	0	0	65	65
	Minimum	2.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	222.00				
	Mean	3.4154	.0144	.0717	3.2725	3.5692
	Std. Deviation	.55600	-.01340	.02833	.49480	.59699
BUNTING 6C DLM KAMPUS	N	65	0	0	65	65
	Minimum	1.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	247.00				
	Mean	3.8000	.0149	.0668	3.6725	3.9627
	Std. Deviation	.53619	-.05200	.13389	.18623	.73725
KETAHUI 6C	N	65	0	0	65	65
	Minimum	1.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	218.00				
	Mean	3.3538	.0123	.0763	3.2154	3.5343
	Std. Deviation	.73805	-.02560	.07131	.55151	.84600
FAHAMI CERDAS	N	65	0	0	65	65
	Minimum	2.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	216.00				
	Mean	3.3231	.0095	.0826	3.1713	3.5012
	Std. Deviation	.56202	-.01072	.03502	.48185	.63100
FAHAMICERGAS	N	65	0	0	65	65
	Minimum	2.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	215.00				
	Mean	3.3077	.0185	.0840	3.1802	3.5275
	Std. Deviation	.58425	-.01893	.03743	.49029	.64413
FAHAMICEKAP	N	65	0	0	65	65
	Minimum	1.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	207.00				
	Mean	3.1846	.0135	.0812	3.0263	3.3846
	Std. Deviation	.68219	-.02804	.07590	.51257	.82836
FAHAMI CAKNA	N	65	0	0	65	65
	Minimum	1.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	209.00				
	Mean	3.2154	.0161	.0785	3.0219	3.4352
	Std. Deviation	.64933	-.02523	.06925	.47951	.77483

FAHAMI CERMAT	N	65	0	0	65	65
	Minimum	2.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	208.00				
	Mean	3.2000	.0135	.0744	3.0527	3.3891
	Std. Deviation	.59161	-.01585	.04781	.47318	.67991
FAHAMI CERIA	N	65	0	0	65	65
	Minimum	2.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	212.00				
	Mean	3.2615	.0161	.0780	3.1033	3.4550
	Std. Deviation	.61940	-.01199	.04199	.51034	.67937
AMATI 6C	N	65	0	0	65	65
	Minimum	1.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	202.00				
	Mean	3.1077	.0178	.0831	2.9251	3.3364
	Std. Deviation	.61550	-.02690	.06539	.45623	.71959
PERLUKAN DISIPLIN DIRI	N	65	0	0	65	65
	Minimum	1.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	232.00				
	Mean	3.5692	.0156	.0727	3.4109	3.7254
	Std. Deviation	.58548	-.02746	.08032	.44862	.73127
KETERBUKAAN DLM IDEA BARU	N	65	0	0	65	65
	Minimum	1.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	214.00				
	Mean	3.2923	.0296	.0729	3.1405	3.4749
	Std. Deviation	.60527	-.01436	.06551	.48044	.75158
SALING MENGHARGAI	N	65	0	0	65	65
	Minimum	1.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	222.00				
	Mean	3.4154	.0192	.0909	3.2373	3.6198
	Std. Deviation	.63473	-.03112	.07346	.49371	.76358
KERJASAMA DGN PIHAK BERKEPENTINGAN	N	65	0	0	65	65
	Minimum	1.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	216.00				
	Mean	3.3231	.0201	.1021	3.1033	3.5959
	Std. Deviation	.77273	-.02112	.06794	.60488	.89641
MEMACU KECEMERLANGAN IPGKPI	N	65	0	0	65	65
	Minimum	1.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	238.00				
	Mean	3.6615	.0064	.0772	3.5029	3.7959
	Std. Deviation	.56670	-.03061	.09209	.40252	.72887
LAHIRKAN WARGA BERKUALITI	N	65	0	0	65	65
	Minimum	1.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	243.00				
	Mean	3.7385	.0083	.0726	3.5515	3.8967
	Std. Deviation	.53843	-.03651	.10723	.30643	.72916
SUDAH TERCAPAI DLM PELAJAR	N	65	0	0	65	65
	Minimum	2.00				
	Maximum	4.00				
	Sum	208.00				
	Mean	3.2000	.0080	.0827	3.0219	3.3538
	Std. Deviation	.64226	-.00710	.04792	.53843	.71839

Valid N (listwise)	N	65	0	0	65	65
a. Unless otherwise noted, bootstrap results are based on 65 bootstrap samples						

Jadual 5: Persepsi Pelajar Berlainan Opsyen Terhadap Budaya 6C IPGKPI

Item	Opsyen (Min skor purata)			
	BM	BI	PA	LAIN
Kerja berkualiti	3.74	3.76	3.47	3.60
Tabiat seharian	3.37	3.41	3.42	3.50
Bunting 6C dalam kampus	3.89	3.94	3.53	3.90
Ketahui 6C	3.47	3.41	3.26	3.20
Fahami Cerdas	3.32	3.41	3.21	3.20
Fahami Cergas	3.32	3.35	3.00	3.00
Fahami Cekap	3.32	3.35	3.11	3.00
Fahami Cakna	3.26	3.18	3.26	3.00
Fahami Cermat	3.32	3.35	3.16	3.20
Fahami Ceria	3.16	3.06	3.11	3.10
Amati 6C	3.58	3.65	3.47	3.60
Perlukan disiplin diri	3.37	3.18	3.42	3.10
Keterbukaan dalam idea baru	3.47	3.24	3.42	3.60
Saling menghargai	3.42	3.35	3.27	3.20
Kerjasama dengan pihak berkepentingan	3.68	3.76	3.53	3.70
Memacu kecemerlangan IPGKPI	3.68	3.88	3.68	3.70
Lahirkan warga berkualiti	3.26	3.06	3.32	3.10
Sudah tercapai dalam pelajar	3.47	3.59	3.00	3.30

Nota: BM: Bahasa Melayu; BI: Bahasa Inggeris; PA: Pendidikan Agama; Lain: Gabungan tiga opsyen berlainan.

Jadual 6 Maklum Balas Guru Pelatih Terhadap Pelaksanaan Budaya 6C Dalam IPGKPI

Elemen	Perkara	Maklum balas
Ceria/Cekap	Fasiliti kelas	LCD, kipas dan penghawa dingin perlu ditambah baik dan disediakan Program keceriaan kelas perlu diadakan Wifi percuma untuk memudahkan kerja Ruang yang lebih luas Loker berkunci dalam kelas Satu komputer dalam setiap kelas Satu mesin bercetak untuk setiap kelas
Cergas/Ceria	Sukan & rekreasi	Program kesukanan dan kebudayaan perlu lebih aktif Perkenalkan ping pong, bola baling, berkuda, berenang dan sebagainya Perkenalkan aktiviti mempertahankan diri seperti taekwondo, program tarian tradisional dan sebagainya. Aktiviti luar kelas seperti mendaki, menyelam, berkhemah dan futsal Aktiviti sukan untuk semua warga kampus Siswa wajib turun beriadah setiap hujung minggu
Ceria/Cermat	Asrama	Program keceriaan bilik asrama perlu diadakan Tingkatkan kemudahan di asrama Water cooler di aras tengah 'Upgrade' bilik Menganjurkan permainan antara blok asrama
Ceria/Cekap/Cakna	Sumbangan kepada masyarakat luar	Lawatan sambil belajar setiap kelas di luar kampus Kerja-kerja kebajikan di luar kampus Aktiviti tahunan luar kampus
Cekap	Pusat sumber	Perlu memperbanyakkan fungsi
Ceria/Cekap	Kafe makanan	Perbanyakkan jenis makanan Baik pulih kafe

		Panjangkan waktu operasi kafe Harga makanan yang lebih murah
Cermat/Ceria/Cergas	Pengangkutan	Menyediakan pengangkutan sewa Membenarkan pelajar membawa kenderaan sendiri Membenarkan pelajar berbasikal dalam kampus Menyediakan pengangkutan dalam kampus
Ceria/Cekap	Kebajikan pelajar PPISMP Jun 2019	Sarapan percuma pada setiap hari Membenarkan pelajar membawa kenderaan sendiri Menyediakan dobi Panjangkan masa rehat Aktiviti santai untuk mengurangkan tekanan Peka terhadap kesihatan mental pelajar Pemberian susu kotak percuma
Cakna/Cekap/Ceria	Pengajaran dan pembelajaran	Jadual tidak terlalu padat Pembelajaran atas talian Penyemakan semula jadual waktu Wifi dalam setiap bilik darjah Gaya pembelajaran yang terkini Teknik pembelajaran efektif Menyalin nota semasa ceramah Menetapkan piawaian tugasan yang sesuai dengan kemampuan pelajar Pensyarah perlu memberi penerangan yang sempurna tentang tugasan pelajar Kuiz dilaksanakan Pendedahan daripada guru kepada pelajar Mengurus jadual pembelajaran supaya tidak terlalu padat sehingga menyusahkan pensyarah dan pelajar Membuka pintu pagar belakang kampus agar dapat menjimatkan masa pelajar dan memudahkan mereka keluar
Cekap/Cakna	Pentadbiran	Membuat kempen amalan budaya 6C Memperluaskan jaringan wifi Mengadakan aktiviti 6C secara mingguan Memperkenalkan budaya 6C IPGKPI kepada masyarakat luar Membuat kempen senyuman selalu Kempen kesedaran untuk keselamatan diri dalam kampus perlu dijalankan Persekitaran kampus yang lebih berwarna-warni dan ceria Menjalankan aktiviti yang memerlukan ketelitian Bangunan perlu dicat semula Memasang lagu semangat setiap pagi Papan notis di laluan untuk memberitahu info penting Kumpulan dalam aplikasi whatsapp untuk notis terkini Menambah baik sistem pengurusan makanan pelajar Menerapkan sifat disiplin pelajar Mengadakan bengkel/ seminar yang menarik

Dapatan kajian juga mendapati bahawa sebahagian besar daripada guru pelatih PPISMPambilan Jun 2019 mengetahui Budaya Kerja 6C IPGKPI sepanjang pengajian mereka selama 12 minggu dalam kampus (rujuk Jadual 4). Mereka juga pernah melihat bunting Budaya kerja 6C di sekitar kampus (min= 3.80). Berbanding dengan kajian Mohamad Hussin, Kok, Abdul Rahman, Jeyagobi, Rozita, & Imran (2019) dan Mohamad Hussin & Abdul Rahman (2019), mereka berpendapat bahawa kempen-kempen kesedaran tentang Budaya 6C jarang didengari dalam kampus untuk sampel kajian pelajar PPISMPambilan Jun 2018. Hasil perbandingan di antara kajian ini dengan kajian Mohamad Hussin et al. (2019) telah menunjukkan terdapat peningkatan kesedaran Budaya 6C yang ketara dalam kalangan pelajar baharu PPISMPambilan Jun 2019. Antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan ini adalah usaha pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar semasa minggu orientasi pelajar baharu dan usaha pihak Jabatan Perancangan Penyelidikan & Inovasi yang sentiasa mendedahkan Budaya 6C semasa pengajaran subjek GKB1053 Kemahiran Belajar.

Selain itu, pelajar-pelajar PPISMPambilan Jun 2018 yang lepas telah dilaporkan tidak mengamati Budaya Kerja 6C IPGKPI (min=3.02) (Mohd Hussin et al., 2019). Namun kajian ini menunjukkan bahawa pelajar PPISMPambilan Jun 2019 lebih mengamati Budaya 6C (min=3.11) (rujuk Jadual 4).

Di samping itu, pelajar-pelajar PPISMPambilan Jun 2018 ini percaya bahawa Budaya Kerja 6C sudah tercapai dalam kalangan pelajar IPGKPI dengan min skor purata sebanyak 3.24 berbanding dengan pelajar PPISMPambilan Jun 2019 dalam kajian ini (min=3.20). Dalam kajian ini pula, pelajar PPISMPambilan Jun 2019 berpendapat bahawa Budaya 6C dapat memacu kecemerlangan IPGKPI, melahirkan warga berkualiti dan hasil kerja yang berkualiti tinggi (min>3.60).

Secara keseluruhannya, pelajar PPISMPambilan Jun 2019 opsyen Bahasa Melayu (BM) mempunyai persepsi yang sangat positif tentang pelaksanaan Budaya 6C IPGKPI. Kesemua item yang dinilai oleh pelajar opsyen BM melebihi min=3.26 kecuali item Fahami Ceria (min=3.16) berbanding dengan pelajar opsyen Bahasa Inggeris (BI) dan Pendidikan Agama (PA). Di antara ketiga-tiga opsyen, pelajar PA mempunyai persepsi yang lebih rendah tentang Budaya 6C IPGKPI. Seterusnya, antara 18 item yang dinilai, terdapat 5 item (Fahami Cergas, Fahani Cepak, Fahami Cermat, Fahami Ceria, Sudah tercapai dalam pelajar) yang diberi min skor purata di antara julat 3.00 sehingga 3.16. Walau bagaimanapun, pelajar ketiga-tiga opsyen BM/BI/PA berpendapat bahawa Budaya 6C IPGKPI dapat memacu kecemerlangan IPGKPI (julat min skor purata, 3.68-3.88). Apabila ditanya tentang pencapaian Budaya 6C IPGKPI dalam kalangan pelajar, pelajar PA mempunyai persepsi lebih rendah (min=3.00) berbanding dengan pelajar BM (min=3.47) dan pelajar BI (min=3.59).

Dalam kajian ini, terdapat 10 sampel pelajar PPISMPambilan Jun 2019 yang tidak memasukkan opsyen mereka. Pengkaji mengkategorikan mereka dalam kategori Lain. Kategori ini tidak dapat diabaikan kerana kategori ini meliputi 15.38% daripada jumlah sampel. Pengkaji perlu melaporkan data ini secara deskriptif dan demografi. Oleh itu, pendapat mereka perlu diambil kira dalam kajian ini. Namun, pengiraan matematik daripada kategori Lain tidak boleh dibandingkan dengan tiga kategori yang dikaji.

Jadual 6 turut melaporkan maklum balas pelajar PPISMPambilan Jun 2019 tentang keperluan mereka dalam kehidupan kampus. Keperluan-keperluan ini juga mencerminkan elemen-elemen 6C yang ingin dicapai oleh pihak pentadbir kampus. Rentetan daripada itu, pihak pentadbir perlu mengambil maklum tentang keperluan pelajar. Seterusnya, pihak pentadbir perlu memberikan penyelesaian dan perkhidmatan yang terbaik untuk pelajar. Pihak pentadbir berharap budaya 6C IPGKPI dapat dicapai pada masa depan.

7.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pelajar PPISMPambilan Jun 2019 opsyen Bahasa Melayu mempunyai persepsi yang sangat positif tentang pelaksanaan Budaya 6C IPGKPI berbanding dengan pelajar opsyen Bahasa Inggeris dan Pendidikan Agama. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa kesedaran pelajar baharu PPISMPambilan Jun 2019 lebih tinggi berbanding dengan pelajar PPISMPambilan Jun 2018. Walau bagaimanapun, pelaksanaan Budaya 6C masih memerlukan perhatian yang serius daripada pihak pentadbiran IPGKPI. Kekurangan kempen-kempen kesedaran selepas pelancarannya telah menyebabkan pelajar-pelajar PPISMP tidak mengamatinya secara mendalam. Selain itu, pelajar-pelajar masih kurang berkeyakinan bahawa Budaya 6C boleh dicapai dalam kampus. Justeru, pihak pentadbiran perlu terus melaksanakan pelan tindakan untuk mempromosikan program Budaya 6C dari masa ke masa bagi memastikan usaha penerapan budaya 6C dapat meresap masuk ke dalam jiwa guru pelatih.

8.0 RUJUKAN

- Bahagian Pendidikan Guru (BPG). (2006). Panduan Budaya Institut Pendidikan Guru. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Cavanagh, R. (1997). The culture and improvement of Western Australian secondary schools (Unpublished doctoral dissertation). Doctoral Dissertation. Curtin University, Australia.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). Research methods in education. (7th ed.). Oxon: Routledge.
- Kok Kean Hin. (2019). Keberkesanan modul bioteknologi dalam subjek sains tambahan sekolah menengah aliran teknik dan vokasional. (Unpublished doctoral dissertation). Doktorat Dissertation. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohamad Hussin Mohamad Yusof, & Abdul Rahman Abdullah. (2019). Budaya 6C dalam kalangan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam. Kolokium Pemimpin Cemerlang Institut Pendidikan (PCIP). Nilai: Institut Aminuddin Baki, Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan, 14-17 Okt.pp 32-39.
- Mohamad Hussin Mohamad Yusof, Kok Kean Hin, Abdul Rahman Abdullah, Jeyagobi Dhamodarem, Rozita Md Noh & Imran Hasani Hussin. (2019). Budaya 6C dalam kalangan Guru Pelatih Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam, National Conference of Education Research (NCER). Bangi, Selangor, 16-17 Julai. pp 290-298.
- Mohd Faiz Mohd Yaakob & Jamal Nordin Yunos. (2017). Pembinaan dan pengujian kesahan model budaya sekolah. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*.13,145-163.
- Muhamad Hussin Mohamad Yusuf. (2018), Budaya kerja 6C di IPGKPI. [Online]: <http://ipgkpi.moe.edu.my>(akses pada 14 Julai, 2018)
- Noraini Kaprawi. (2013). Kajian tinjauan. Dalam Noraini Idris (Ed.), *Penyelidikan dalam pendidikan* (201-221). Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Unit Peperiksaan & Penilaian. (UPP). (2019). Senarai nama pelajar PPISMP Ambilan Jun 2019 yang menduduki kertas GKB1053 Kemahiran Belajar [Online]: itemsipgm.edu.my/umum/ (akses pada 7 Julai, 2019)